



NOTIS MAKLUMAN

PENGGUNAAN BORANG PERAKUAN LOT HARTANAH BERSAMA PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN BERPERINGKAT 20% BAGI PEMBIAYAAN JENIS 2, JENIS 3 (PEMBELIAN RUMAH YANG SEDANG DIBINA OLEH KONTRAKTOR) DAN JENIS 6

Berkuat kuasa **2 Ogos 2021**, semua permohonan tuntutan bayaran berperingkat 20% bagi Jenis 2, Jenis 3 (Pembelian Rumah Yang Sedang Dibina Oleh Kontraktor) dan Jenis 6 yang dikemukakan kepada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) perlu sertakan dokumen-dokumen berikut:

- i. Borang Perakuan Lot Hartanah (BPLH); dan
- ii. Salinan Sijil Pendaftaran Juruukur Profesional dengan pihak Lembaga Juruukur.

Kegagalan mengemukakan dokumen tersebut boleh menyebabkan permohonan tuntutan bayaran berperingkat tersebut tidak akan diproses oleh JPPH dan seterusnya tidak dapat dikemukakan kepada LPPSA.

BPLH ini diperkenalkan bagi mengelakkan isu pembinaan hartanah di atas tapak/ petak/ lot tanah yang salah selain memperincikan mengenai pengesahan kontraktor yang membina hartanah, juruukur tanah profesional dan peminjam/ pemohon tentang kedudukan binaan di atas tapak/ petak/ lot tanah seperti kelulusan surat pelan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Surat Tawaran pembiayaan perumahan LPPSA.

BPLH boleh dimuat turun dari Laman Web Rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my atau melalui pautan <https://myfinancing.lppsa.gov.my/my/pelanggan-sedia-ada> di bawah Dokumen Berkaitan .

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh dikemukakan melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

22 JULAI 2021